

HARI : ISNIN
TARIKH : 7/10/2019
M/SURAT : 1

Agihan saksama melalui subsidi


Pengumuman Program Subsidi Bersasar hari ini bertujuan pastikan ia tidak salah guna dan dinikmati sepenuhnya oleh golongan sasaran 2 juta penerima Bantuan Sara Hidup.

**BERITA
DI MUKA 14**



“Secara keseluruhan, subsidi itu bertujuan meringankan beban rakyat dan yang terpenting inilah kaedah paling sesuai dalam pengagihan kekayaan secara saksama.”

SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna



HARI

ISNIN

TARIKH

7/10/2019


M/SURAT

14

SEMPENA PELANCARAN PROGRAM SUBSIDI PETROL BERSAR HARI INI

Agihan saksama melalui subsidi

KERAJAAN rugi berbilion ringgit setahun, misalnya jika ada golongan nelayan yang menerima subsidi diesel menjualnya. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA



Kita ambil contoh golongan B40. Berapa ramai yang memiliki kereta dan motosikal? Mungkin lebih banyak memiliki motosikal. Dan kalau pun mempunyai kereta, majoritinya memiliki kereta jenis kompak yang kapasitiannya bawah 1.5 liter. Berapa besarlah tangki motosikal dan tangki kereta kompak itu?

Justeru berapa banyakkah petrol RON95 yang digunakan oleh golongan B40 setiap kali mengisi penuh tangki kereta mereka? Mungkin 35 liter?

Kita andaikan 30 liter untuk mudahkan pengiraan. Sekali isi penuh, golongan B40 mengeluarkan dari dompetnya RM62.04. Karakanlah mereka isi satu tangki penuh seminggu untuk pergi-balik kerja dan jalan-jalan bersama keluarga di hujung minggu. Bermakna sebulan mereka belanjakan RM249.60 untuk RON95. Dan daripada RM249.60, kerajaan membayar subsidi sekitar RM36 sebulan untuk penggunaan RON95 golongan tersebut.

Bayangkan pula senario kedua. Golongan kaya yang seluruhnya memiliki kereta mewah 1.8 liter ke atas dan kalau ada motosikal pun, kebanyakannya berkuala tinggi. Dan biasanya orang kaya itu memiliki lebih daripada sebuah kenderaan. Nah! Cuba hitung berapakah penggunaan petrol mereka jika penggunaan petrol mereka jika

untuk cepat dapat keuntungan dan malas nak berusaha di laut atau di bendang.

Satu lagi masalah besar dihadapi kerajaan ialah subsidi tidak dinikmati sepenuhnya oleh golongan disasarkan.

Dilema ini berlaku sejak dahulu. Dan ini juga mungkin menyebab kepada merebaknya mentaliti subsidi, seolah-olah subsidi itu adalah hak rakyat dan rakyat merasakan hak itu kekal selamanya biarpun kerajaan menghadapi gawat fisikal yang akut terutama setelah menggajung hutang negara akibat skandal kewangan seperti 1Malaysia Development Berhad (IMDB).

Dalam kes subsidi petrol RON95, berdasarkan harga minyak mentah sedunia dan sistem apungan Automatic Pricing Mechanism (APM), sepatutnya harga RON95 di pam adalah sekitar RM2.38 sahaja berbanding harga runcit bersubsidi sekitar RM2.08.

Bermakna kerajaan memberi subsidi 30 sen setiap liter RON95 yang masuk ke tangki kenderaan. Jumlah penggunaan RON95 negara dilaporkan sekitar 14.4 billion liter setahun.

Apakah subsidi

Hidup (BSH) dalam bentuk tunai terus kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Dan ada juga subsidi dalam bentuk kawalan harga seperti harga petrol dan gas cecair petroleum (LPG). Tanpa subsidi, harga petrol akan lebih tinggi mengikut harga apungan pasaran terbuka.

Ada subsidi diberi terus kepada penerima yang disasarkan. Ada juga subsidi diberi kepada pengeluar dan pemain industri untuk memastikan harga barang tersebut terkawal dan terjangkau oleh rakyat. Secara keseluruhan, subsidi itu bertujuan meringankan beban rakyat dan yang terpenting imlah kaedah paling sesuai dalam pengagihan kekayaan secara saksama.

Tetapi tidak semua rakyat mengharai subsidi yang diberikan. Walaupun mungkin ia tidak sebesar mana, subsidi tetap subsidi. Yang lebih malang bila subsidi disalahgunakan.

Sebagai contoh, subsidi diesel kepada nelayan dan subsidi bahan keperluan petani. Subsidi menelan belanja berbilion ringgit setahun itu tidak membawa hasil tanaman dan tangkapan ikan yang diharapkan. Malah ada nelayan dan petani ditangkap kerana menjual diesel kepada nelayan asing dan ada petani yang menjual bahan keperluan tauke-tauke. Kenapa? Pastinya

**SAIFUDDIN
INCEPTION ISMAIL**

MENGURUSKAN subsidi memang satu yang rumit dan kompleks. Di satu pihak, benar apa yang dikatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad, pemberian terlalu banyak subsidi boleh menjadikan rakyat Malaysia malas dan merebaknya mentaliti subsidi yang akan menyebabkan golongan ini kurang berdaya saing.

Di satu sisi lain pula, subsidi akan membebankan kewangan kerajaan. Untuk menguruskan hal ehwal subsidi ini, kementerian terbabit perlu melantik sekumpulan kakitangan untuk memikir dan merancang mekanisme pelaksanaannya. Ia bukan sahaja melibatkan antara jabatan dalam sesuatu kementerian tetapi selalunya melibatkan antara kementerian.

Subsidi kerajaan dilaksanakan untuk mencapai beberapa tujuan strategik. Subsidi tidak semestinya dalam bentuk tunai atau barang kepada rakyat. Ada subsidi bahan yang disasarkan untuk petani. Ada subsidi diesel untuk nelayan. Ada Bantuan Sarawak



**TANPA subsidi,
harga petrol
akan lebih drasti
mengikut harga
apungan pasaran
terbuka - UTUSAN**

HARI :

ISNIN

TARIKH :

7/10/2019

M/SURAT :

15

mereka turut menggunakan RON95?

Tangki kereta sebuah kereta mewah biasanya paling kurang 70 liter. Ada yang lebih besar daripada itu. Tetapi untuk mudahkan perbandingan, kita guna 70 liter. Setiap kali kereta mewah diisi penuh, orang kaya ini berbelanja sekitar RM145.60. Kita gunakan formula sama iaitu orang kaya isi empat kali seminggu. Orang kaya ini menggunakan 280 liter sebulan atau RM582.40 sebulan. Bermakna orang kaya tersebut menggunakan subsidi RON95 daripada kerajaan sebanyak RM84. Itu satu kereta. Kalau dua atau lebih? Gandakan sahaja subsidi kerajaan yang dinikmati oleh golongan kaya itu? Jadi siapa sebenarnya yang lebih menikmati subsidi RON95? Rakyat B40 menggunakan subsidi RON95 RM36 sebulan sedangkan orang kaya menggunakan subsidi lebih dua kali ganda pada kadar RM84.

Itu belum lagi dihitung orang asing yang datang melawat Malaysia atau tinggal di negara kita. Pelawat dan pelancong dari Singapura dan Thailand ramai membanjiri negara kita sama ada melancong, melawat saudara-mara dan tidak kurang pula yang berbelanja barang

“Golongan kaya yang selalunya memiliki kereta mewah 1.8 liter ke atas dan kalau ada motosikal pun, kebanyakannya berkuasa tinggi. Dan biasanya orang kaya itu memiliki lebih daripada sebuah kenderaan. Nah! Cuba hitung berapakah penggunaan petrol mereka jika mereka turut menggunakan petrol RON95?

keperluan mengambil kesempatan daripada nilai mata wang mereka yang tinggi. Pendapatan sektor pelancongan memang bagus tetapi pada masa sama, mereka juga membeli barang yang sebahagiannya adalah barang bersubsidi. Dan itu bermakna mereka mengambil ‘wang’ yang telah diperuntukkan kepada rakyat Malaysia dalam bentuk subsidi.

Petrol RON95 adalah salah satunya. Kenderaan orang Thailand yang biasanya jenis SUV dan 4WD, dan

pelawat Singapura selalunya berkereta mewah. Tentunya mereka turut menikmati harga RON95 bersubsidi. Menurut Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, jumlah kenderaan yang keluar masuk Johor adalah pada kadar 400,000 sebulan. Bayangan berapa banyak subsidi RON95 yang dinikmati rakyat Singapura? Apa pula rakyat Thailand dan warga negara asing yang tinggal dan mencari makan di negara kita? Inilah salah satu faktor kebocoran dalam pemberian dan penggunaan subsidi kerajaan melalui barang harga subsidi. Belum lagi kebocoran disebabkan penyeludupan barang subsidi merentasi sempadan.

Kerajaan harus berfikir secara strategik dan bijak dalam pelaksanaan subsidi terutama dalam bentuk pengawalan harga barang terkawal seperti beras, tepung minyak masak dan petrol RON95 supaya subsidi itu benar-benar sampai kepada rakyat golongan sasar dan pada masa sama fiskal kerajaan tidak terjejas teruk.

Bagaimana? Ikutilah tulisan saya seterusnya.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

HARI : ISNIN

TARIKH : 7/10/2019

M/SURAT : 15



KEMENTERIAN PENDIDAKAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHSAN PEMERINTAH

BAGAIMANA SUBSIDI DISALURKAN

TERUS KEPADA
GOLONGAN
SASAR

- 1 Sampai terus kepada yang layak
- 2 Penerima adalah rakyat Malaysia
- 3 Kurangkan beban fiskal kerajaan
- 4 Kurangkan kebocoran
- 5 Penjimatan digunakan untuk projek rakyat



@mykpdnhep